



**Rawatan Ruqyah Singapura**

**“Bersatu Untuk Perjuangan Yang Sama... Insyallah...”**

# **Cara Merawat / Membersihkan Dan Membenteng Rumah Dari Gangguan Makhluk Halus**

Nota Siri Rawatan Mandiri

# Cara Merawat / Membersihkan Dan Membenteng Rumah Dari Gangguan Makhluk Halus

oleh : **Haji Saifulbahar Bin Haji Ya'acob**

Cetakan kedua: May 2013

@Hakcipta **TIDAK** terpelihara

*Dari Jabir R.A. berkata: "Rasulullah S.A.W telah melarang Ruqyah. Maka datanglah keluarga "Amru Ibn Hazm, mereka berkata: Ya Rasulullah S.A.W bahawa kami memiliki Ruqyah (jampi) yang biasa kami lakukan jika terkena gangguan kalajengking". Maka mereka menunjukkan (Ruqyah) kepada Rasulullah S.A.W lalu beliau bersabda; "Saya memandang tidak apa-apa Ruqyah kalian. **Barangsiapa yang mampu memberi manfaat bagi saudaranya, maka lakukanlah**"... riwayat Muslim*

## **Kata Pembuka:**

Nota Siri Rawatan Mandiri adalah nota nota ringkas yang disusun untuk mempermudah pesakit untuk merawat diri sendiri. Boleh diamalkan pada setiap hari atau bila bila masa lapang.

**Nota disusun secara ringkas.** Untuk masalah yang lebih berat, sila mencari bantuan dari mana mana perawat Ruqyah.

Sekiranya ada pertanyaan, sila salurkan ke inbox facebook 'Rawatan Ruqyah Singapura'

**“Sebaik baik orang yang meruqyah dirinya... adalah dirinya sendiri”**

## Mengapa Rumah Dimasuk / Diganggu Makhluk Halus?

Ada banyak sebab sebab Jin mengganggu atau masuki rumah. Diantaranya:

- Kurang solat dirumah
- Kurang mengaji
- Masuk rumah tanpa memberi salam
- Adanya azimat seperti wafaq dan tangkal dirumah
- Dan lain lain lagi

Tanda Tanda Gangguan Dirumah

- Kedengaran bunyi goli jatuh di lantai.
- Kedengaran seperti ada orang tarik perabot di waktu malam.
- Masakkan cepat rosak dan basi.
- Tempat berbau busuk atau kemenyan.
- Keadaan keluarga porak peranda.
- Sering perselisihan faham antara suami / isteri.
- Nampak kelibat atau bayangan.
- Kedengaran suara orang memanggil di dalam rumah.
- Perniagaan merosot secara mendadak.
- Sering kehilangan wang.
- Rumah yang susah untuk dijual semula.
- Suasana muram dan malap
- Sering terjumpa duit syiling 1 sen atau 5 sen di ruang/sudut kedai atau pejabat
- Bayi sering menangis

## Cara Merawat / Membersihkan Rumah

Ada beberapa cara untuk merawat / membersihkan rumah

Niatkan didalam hati untuk memagar /membenteng rumah, pejabat dan kedai dari gangguan syaitan / jin.

### **Cara 1 : Azan**

Laungkan Azan di setiap ruang bilik setiap hari.

Sesungguhnya syaitan apabila dikumandangkan azan, ia akan berpaling dan lari dengan pantas. (Hadis Riwayat Muslim)

## **Cara 2 : Ayat Kursi**

Bacakan ayatul Kursi sambil berjalan mengelilingi rumah (mengikuti pergerakan seperti tawaf Kaabah). Berjalan sama ada didalam atau diluar rumah.

Abdurahman bin Auf menerangkan bahawa, ia apabila masuk kerumahnya dibaca ayat Kursi pada empat penjuru rumahnya dan mengharapakan dengan itu menjadi penjaga dan pelindung syaitan.

## **Cara 3 : Bacakan atau mainkan CD bacaan Surah Al Baqarah**

Bacakan Surah Al Baqarah sepenuhnya sekira mampu atau mainkan CD sehingga tiada lagi tanda-tanda gangguan di dalam rumah, kedai atau pejabat.

Janganlah kamu jadikan rumah kamu menjadi tempat-tempat yang kosong dari ibadat dan zikir. Sesungguhnya syaitan melarikan diri dari rumah yang dibaca di dalamnya surah Al-Baqarah. ( *Hadis riwayat Abi Ubaid* )

## **Cara 4 : Spray ( renjis ) Air Ruqyah ( Air Yasin atau Air Doa ) dalam rumah untuk pagar/bersihkan rumah**

Ambil botol spray air. Masukkan Air Ruqyah, Air Yasin atau Air Doa. Spray semua pintu pintu di rumah, semua sudut sudut bilik, dan dinding kecuali tandas. Bacakan ayatul Kursi sambil berjalan mengelilingi rumah (mengikuti pergerakan seperti tawaf Kaabah).

**Nota: Sekiranya tidak mendapat Air Ruqyah, gunakan air mutlak dan bacakan Ayatul Kursi sebanyak tiga kali dan tiup pada air tersebut.**

Lakukan cara ini dengan penuh pengharapan kepada Allah ketika membaca ayat diatas dan mohonlah pertolongan dan bantuan dari Allah Tuhan semesta alam.


Lakukanlah salah satu cara diatas tersebut sekurangnya seminggu sekali. Sewaktu merenjis/spray, baca Ayatul Kursi berulang ulang.

**Sekira terdapat tanda tanda seperti \* Bulu Ruma Berdiri, \* dan sebagainya, berhenti di tempat itu dan teruskan membaca Ayatul Kursi sehinggakan tanda tanda tersebut hilang. Teruskan dengan renjis/spray.**

Proses (Cara yang ringkas)

- Berdiri mengadap kiblat
- Membaca Al-Fatehah 1x
- Azan
- Mula renjis atau spray menggunakan air yang di siap tadi.
- Bermula dari pintu masuk dan spray kepada pintu rumah, semua sudut sudut bilik dan dinding kecuali tandas.
- Sewaktu spray, bacalah Ayatul Kursi dengan cara berulang ulang.

**Nota: Kamu wanita masih boleh azan tetapi dengan suara yang rendah. Kerana ini, azan bagi wanita harus di ulangkan pada setiap bilik / ruang**



**Ingatlah: Selepas membersihkan atau memagar rumah. Insyallah rumah akan bertahan. Tetapi ingat juga, pagarnya boleh dibatal kalau sekiranya salah satu penghuni rumah masuk dan lupa memberi salam (salah satu sebab Jin masuk rumah).**

## Cara Cara Lain Yang Boleh Diamalkan Sebagai Benteng Rumah Dari Gangguan Makhluk Halus

- Solat berjemaah dirumah
- Azan
- Mengaji atau mainkan audio audio bacaan Al-Quran
- Adakan harum haruman di rumah di waktu maghrib dan subuh
- Tutup pintu dan tingkap sewaktu senja (sebelum azan maghrib)
- Bebaskan rumah dari benda haram seperti minuman keras, patung patung berbentuk manusia dan juga binatang buas.
- **Bebaskan rumah dari benda benda khurafat seperti Azimat berbentuk tangkal dan wafaq.**

82. dan Kami turunkan Dengan beransur-ansur dari Al-Quran Aya-ayat suci Yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang Yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang Yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.

- Al Isra' QS 17 Ayat 82

*Haji Saifulbahar – 82090262*

*Haji Abdul Aziz - 93217478*

 **Rawatan Ruqyah Singapura**  
"Bersatu Untuk Perjuangan Yang Sama... Insyallah..."

Facebook: Rawatan Ruqyah Singapura

